

# Personaliti MUSLIM Gaya al-Hujurat



WAN NOR ZAILAH  
WAN MOHAMAD

B.A. Bahasa Arab &  
Komunikasi, Universiti  
Sains Islam Malaysia

**S**ememangnya tidak mudah mahu bergelar V.I.P. Perlu berpengaruh terlebih dahulu, barulah nanti akan dijemput dan dirai oleh mana-mana organisasi dengan gelaran V.I.P. Nah, itu baru menjadi V.I.P. di pentas dunia, bagaimana pula di pentas akhirat yang lebih kekal dan maha hebat?

Allah sudah menunjukkan jalan-jalan ke arah itu. Terlalu banyak. Melalui kalam-Nya, juga sunnah kekasih-Nya. Jadi, perlu sematkan dalam hati dan berusaha mencapai. Apabila sudah berniat, sudah tentu akan mudah terpandu.

V.I.P. kali ini akan menyentuh secara ringkas garis panduan

yang sepatutnya diikuti setiap remaja. Fokus lebih kepada skop perhubungan sesama manusia. Ayuh kita semak ilmu dan panduan yang terkandung dalam surah al-Hujurat.

## Panduan Personaliti Muslim Gaya al-Hujurat

GARIS PANDUAN	DALIL AL-QURAN	PENERANGAN
Tidak mendahului Allah dan rasul.	Ayat 1	Dahulukan berbuat sesuatu kerana Allah dan rasul. Apabila niat lurus dan teguh, hati akan kukuh dan tulus. Niatkan yang baik-baik, pasti berkesudahan yang baik. Ada yang mentafsirkan ayat ini merujuk kepada larangan untuk tidak menetapkan sesuatu hukum sewenang-nya, sebaliknya rujuk ketetapan daripada Allah dan Rasulullah terlebih dahulu.
Tidak meninggikan suara. Tidak bersuara keras.	Ayat 2	Ini ialah teguran Allah secara langsung agar tidak meninggikan suara melebihi suara Nabi. Impaknya, amalan kebaikan boleh terhapus tanpa sedar. Hebatnya Allah mendidik hamba-Nya, untuk terlebih dahulu memuliakan dan menghormati insan yang dimuliakan Tuhan. Berbicara dengan ibu ayah, guru, orang yang lebih berusia mahupun kanak-kanak, bagaimana adab kita?
Tidak merendahkan orang lain.	Ayat 11	Kita menghukum sedangkan diri sendiri masih bergolak dengan iman yang tidak stabil. Tiada sesiapa yang tahu kadar iman dirinya. Tetapi Allah menilai takwa dan sebaik-sebaik penilai. Boleh jadi kita hebat dalam sesuatu bidang, mungkin lemah pula dalam bidang yang lain. Tiada insan sempurna. Rebut takwa dahulu, saat itu kita tidak menagih lagi perhatian insan.
Tidak berburuk sangka. Tidak mencari salah orang lain.	Ayat 12	Ayat ini melarang agar menjauhi buruk sangka. Sama seperti larangan menjauhi zina. Mendekati sudah pun dilarang keras, apatah lagi berbuat.

## TARGET V.I.P.

Jika benar sayang Tuhan, maka pasti akan menyayangi makhluk Tuhan.

## DOA

DOA KETIKA SUSAH

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ

**MAKSUDNYA:** "Tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau (ya Allah), Maha Suci Engkau, sesungguhnya akulah orang yang menganiaya diri sendiri." (Surah al-Anbiya' 21: 87)

## MUHASABAH DIRI

### KATEGORI MANUSIA.

Tandakan kategori anda.

## Mukmin Sebenar, siapa?

Jika diperhatikan kebanyakan ayat dalam surah ini, Allah menggunakan lafaz 'wahai orang yang beriman'. Jelas ayat ini berpesan kepada kita; Muslim yang Mukmin. Persoalannya, siapakah Mukmin sebenar? Ayat ke-15 ada penjelasannya.

Firman Allah, maksudnya: "Sesungguhnya Mukmin yang sebenarnya ialah mereka yang beriman kepada Allah dan Rasul-Nya, kemudian mereka tidak ragu-ragu, dan mereka berjihad dengan harta dan jiwanya di jalan Allah, itulah orang yang benar."

Bukankah jika sudah menyerahkan segala-galanya kepada Tuhan, dan menyatakan tiada kekuatan dan kehendak selain daripada-Nya, serentak itu tidak akan pernah secuit pun kita berasakan diri lebih baik daripada orang lain? Apatah lagi membeza-bezakan hanya kerana faktor luaran seperti pakaian dan rupa paras.

## Merebut Takwa


Anekdote 2

Anekdote 1

Kisah seorang wanita Musyrik yang beroleh syurga. Lantaran kebajikannya memberi minum kepada seekor anjing yang kehausan.

Kisah wanita Muslim yang tekun beribadah siang dan malam, namun dimasukkan ke neraka. Semuanya gara-gara berlaku zalim dengan tidak memberi makan (menyiksa) kucing peliharaannya.

Meski dua anekdot di atas melihatkan iktibar layanan manusia kepada haiwan, namun bukannya haiwan itu juga makhluk Tuhan? Ini belum lagi kisah manusia sesama manusia. Kadang-kadang sekecil-kecil kebaikan yang dibuat beroleh reda Allah, begitu juga hanya kecil kesalahan yang kita lihat (pada pandangan kita) tetapi boleh mendapat murka Allah.

Semoga kita sentiasa berhati-hati dalam setiap tindakan kerana ada catatan yang akan dipanjangkan. Semoga catatan surah al-Hujurat membantu kita memperbaiki pergaulan sesama insan. Amin. Sama-sama beramal. 

KATEGORI MUSLIM	✓	JIKA LAKUKAN...
A-Berakhlak dengan Tuhan, tidak dengan insan.		1. Berbaik sangka. 2. Banyakkan bersedekah. 3. Belajar menghormati orang lain.
B-Kurang berakhlak dengan Tuhan, sebaliknya mesra sesama insan.		1. Perbaiki solat. 2. Banyakkan ibadah sunat. 3. Kerapkan zikir di bibir.

**KESIMPULAN:** Kategori terbaik manusia ialah yang berakhlak dengan Allah dan manusia. Hubungan dengan Allah terjaga, sementara hubungan sesama manusia itu mesti kerana-Nya.